Unit 10

Kata Arah

Nota Pintar

Kata arah ialah perkataan yang digunakan untuk menunjukkan arah, jurusan atau hala. Sebagai contoh, luar, dalam, atas, bawah, belakang hadapan, tepi, antara, kiri dan kanan. Kata arah biasanya didahului oleh kata sendi nama dan diikuti oleh kata nama.

Contoh ayat: Saya meletakkan kasut itu di **dalam** kotak.
Burung nuri bertenggek di **atas** dahan pokok

Betul atau Salah?

Tandakan (✓) bagi ayat yang menggunakan kata arah yang betul dan (✗) bagi ayat yang salah.

1. Kucing itu tidur di bawah meja. ( )
2. Ibu menjerang air di bawah dapur. ( )
3. Adik duduk di penjuru bilik kerana merajuk. ( )
4. Burung-burung hinggap di bawah dahan pokok. ( )
5. Kotak berisi buku itu disimpan oleh ibu di luar katil. ( )
6. Saya duduk di antara Rizal dan Sofia di dalam kelas. ( )
7. Ayah meletakkan basikal baharu abang di luar rumah. ( )
8. Haikal berdiri di tepi jalan semasa menunggu bas sekolah. ( )
9. Murid-murid mesti makan di dalam kelas pada waktu rehat. ( )
10. Abang menyorok di atas pintu untuk bergurau dengan adik. ( )
11. Ayam itu masuk ke dalam rumah setelah dihalau oleh ayah. ( )
12. Negeri Johor terletak di bahagian kiri semenanjung Malaysia. ( )

CS 扫描全能王 创建
LIVEWORKSHEETS